- (4) Jika kerana berlakunya konflik bersenjata, kekacauan atau pembangunan politik, atau keadaan istimewa atau luarbiasa, suatu perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan suatu Pihak Pejanji tidak dapat mengedalikan suatu perkhidmatan mengikut laluan biasanya, pihak Pejanji yang satu lagi hendaklah menggunakan usaha yang sebaik-baiknya bagi memudahkan pengendalian perkhidmatan itu diteruskan melalui penyusunan semula sementara laluan-laluan yang bersesuaian.

PERKARA 4

Penetapan dan Kebenaran Perkhidmatan-Perkhidmatan Penerhangan

- (1) Setiap Pihak pejanji hendak mempunyai hak untuk menetap secara bertulis kepada Pihak Pejanji yang satu lagi satu atau lebih perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan bagi maksud mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan yang dipersetujui mengikut laluan-laluan yang dinyatakan dan untuk menarik balik atau mengubah penetapan itu.
- (2) Atas penerimaan penetapan itu Pihak Pejanji yang satu lagi hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan (3) dan (4) Perkara ini, tanpa kelengahan memberi kepada perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan itu kebenaran-kebenaran pengendalian yang besesuaian.
- (3) (a) Kerajaan Hong Kong hendaklah mempunyai hak untuk enggan memberi kebenaran-kebenaran pengendalian yang disebut dalam perenggan (2) Perkara ini, atau untuk mengenakan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya perlu atas penggunaan hak-hak yang dinyatakan dalam Perkara 3(2) Perjanjian ini oleh sesuatu perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan, dalam apa-apa hal jika ia tidak berpuashati bahawa pemunyaan substantial dan kawalan berkesan perkhidmatan penerbangan itu adalah terletak pada Kerajaan Malaysia atau rakyat-rakyatnya.
- (b) Kerajaan Malaysia hendaklah mempunyai hak untuk enggan memberi kebenaran-kebenaran pengendalian yang disebut dalam perenggan (2) Perkara ini, atau untuk mengenakan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkannya perlu atas penggunaan hak-hak yang dinyatakan dalam Perkara 3(2) Perjanjian ini oleh perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan dalam apa-apa hal jika ia tidak berpuashati bahawa perkhidmatan penerbangan itu adalah diperbadankan dan mempunyai tempat perniagaan utamanya di Hong Kong.

- (4) Pihak-pihak berkuasa penerbangan kepunyaan suatu Pihak Pejanji bolehlah menghendaki sesuatu perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan oleh Pihak Pejanji yang satu lagi untuk memuaskannya mereka bahawa ia adalah layak untuk memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan yang biasa dan secara munasabah terpakai kepada pengendalian perkhidmatan-perkhidmatan udara antarabangsa oleh pihak-pihak berkuasa itu.
- (5) Apabila sesuatu perkhidmatan penerbangan telah ditetapkan dan dibenarkan sedemikian, ia bolehlah bermula untuk mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan yang dipersetujui, dengan syarat bahawa perkhidmatan penerbangan itu mematuhi pemaksian peruntukan-peruntukan Perjanjian ini.

PERKARA 5

Pembatalan atau Penggantungan Kebenaran Pengendali

- (1) Setiap Pihak Pejanji hendaklah mempunyai hak untuk membatalkan atau menggantung sesuatu kebenaran pengendalian untuk menjalankan hak-hak yang dinyatakan dalam perkara 3(2) Perjanjian ini oleh suatu perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan oleh Pihak Pejanji yang satu lagi, atau untuk mengenakan syarat-syarat yang difikirkannya perlu atas penggunaan hak-hak ini:
 - (a) (i) dalam hal Kerajaan Hong Kong, dalam apa-apa hal jika ia tidak berpuas hati bahawa pemunyaan substansial dan kawalan berkesan perkhidmatan penerbangan itu adalah terletak pada Kerajaan Malaysia atau rakyat-rakyatnya;
 - (ii) dalam hal Kerajaan Malaysia, jika ia tidak berpuashati bahawa perkhidmatan penerbangan itu diperbadankan dan mempunyai tempat perniagaan utamanya di Hong Kong; atau
 - (b) dalam hal jika perkhidmatan penerbangan itu gagal mengikut undang-undang atau peraturan-peraturan Pihak Pejanji yang memberi hak-hak itu; atau
 - (c) jika perkhidmatan penerbangan itu selainnya gagal untuk mengendalikan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Perjanjian ini.
- (2) Melainkan jika pembatalan atau penggantungan serta-merta kebenaran pengendalian yang disebut dalam perenggan (1) Perkara ini atau penganalan syarat-syarat adalah perlu untuk mengelakkan pelanggaran undang-undang atau peraturan-peraturan selanjutnya, hak-hak itu hendaklah digunakan hanya selepas perundingan dengan Pihak Pejanji yang satu lagi.

PERKARA 6

**Prinsip-prinsip Mengenai Pengendalian
Perkhidmatan-Perkhidmatan Yang Dipersetujui**

- (1) Maka hendaklah ada peluang yang berpatutan dan sama rata bagi perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan Pihak-Pihak Pejanji untuk mengendalikannya perkhidmatan-perkhidmatan yang dipersetujui mengikut laluan-laluan yang dinyatakan.
- (2) Dalam mengendalikannya perkhidmatan-perkhidmatan yang dipersetujui itu, perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan setiap Pihak Pejanji hendaklah mengambil kira kepentingan-kepentingan perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan Pihak Pejanji yang satu lagi supaya tidak menyentuh secara tak wajar akan perkhidmatan-perkhidmatan yang diperuntukkan oleh Pihak yang disebut terkemudian itu di keseluruhan atau sebahagian daripada laluan-laluan yang sama.
- (3) Perkhidmatan-perkhidmatan yang dipersetujui yang diadakan oleh perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan Pihak-Pihak Pejanji hendaklah berhubung rapat dengan keperluan-keperluan awam bagi pengangkutan mengikut laluan-laluan yang dinyatakan dan hendaklah sebagai tujuan utama mereka mengadakan peruntukan yang mengikut faktor muatan yang berpatutan bagi daya muatan yang cukup untuk menampung keperluan-keperluan semasa dan keperluan-keperluan yang semunasabahnya dijangkakan bagi membawa penumpang-penumpang dan kargo, termasuk mel, yang berasal dari atau yang destinasi ke kawasan Pihak Pejanji yang telah menetapkan perkhidmatan penerbangan itu, Peruntukan bagi membawa penumpang-penumpang dan kargo, termasuk mel, kedua-duanya dimuatkan dan diturunkan di tempat-tempat laluan-laluan yang dinyatakan selain daripada tempat-tempat dalam kawasan Pihak Pejanji yang menetapkan perkhidmatan penerbangan itu hendaklah dibuat mengikut prinsip-prinsip am yang daya muatan itu hendaklah berkaitan dengan:
 - (a) keperluan-keperluan trafik ke dan dari kawasan Pihak Pejanji yang menetapkan perkhidmatan penerbangan itu;
 - (b) keperluan-keperluan trafik bagi rantau yang dilalui oleh perkhidmatan yang dipersetujui itu, setelah mengambil kira perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan lain yang diadakan oleh perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan Negara-Negara yang termasuk dalam rantau itu; dan
 - (c) keperluan-keperluan pengendalian perkhidmatan penerbangan laluteras.
- (4) Daya muatan yang akan diperuntukkan mengikut laluan-laluan yang dinyatakan hendaklah seperti yang dari masa ke semasa ditentukan bersama oleh Pihak-Pihak Pejanji.

PERKARA 7

Tarif-Tarif

- (1) Istilah “tarif” ertinya satu atau lebih daripada yang berikut:
 - (a) tambang yang dikenakan oleh perkhidmatan penerbangan bagi pengangkutan penumpang-penumpang dan bagasi mereka mengikut perkhidmatan-perkhidmatan udara yang dijadualkan dan juga caj-caj dan syarat-syarat bagi perkhidmatan-perkhidmatan sampingan kepada pengangkutan itu;
 - (b) kadar yang dikenakan oleh sesuatu perkhidmatan penerbangan bagi pengangkutan kargo (tidak termasuk mel) pada perkhidmatan-perhidmatan udara yang dijadualkan;
 - (c) syarat-syarat yang menentukan ada tidaknya atau pemakaian apa-apa tambang atau kadar itu termasuk apa-apa faedah yang menyertainya; dan
 - (d) kadar komisen yang dibayar oleh perkhidmatan penerbangan kepada seseorang ejen berkenaan dengan tiket-tiket yang dijual atau surat angkutan udara yang diselesaikan oleh ejen itu bagi pengangkutan mengikut perkhidmatan-perkhidmatan udara yang dijadualkan.
- (2) Tarif-tarif yang akan dikenakan oleh perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan Pihak-Pihak Pejanji itu bagi pengangkutan di antara Hong Kong dan Malaysia hendaklah yang mana diluluskan oleh pihak-pihak berkuasa penerbangan bagi Pihak-Pihak Pejanji dan hendaklah ditetapkan pada peringkat-peringkat yang berpatutan, dengan memberikan perhatian yang wajar kepada segala faktor yang relevan, termasuk kos pengendalian perkhidmatan-perkhidmatan yang dipersetujui, kepentingan pengguna-pengguna, keuntungan yang berpatutan dan tarif-tarif perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan lain yang mengendalikan perkhidmatan di keseluruhan atau sebahagian daripada laluan yang sama itu.
- (3) Tarif-Tarif yang disebut dalam perenggan (2) Perkara ini bolehlah dipersetujui oleh perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan Pihak-Pihak Pejanji yang bertujuan mendapatkan kelulusan tarif-tarif itu, bolehlah berunding dengan perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan lain yang mengendalikan perkhidmatan di seluruh atau sebahagian daripada laluan yang sama itu, sebelum mencadangkan tarif-tarif itu. Walau bagaimanapun, suatu perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan tidaklah dihalang daripada membuat cadangan, atau pihak-pihak berkuasa penerbangan Pihak-Pihak Pejanji daripada meluluskan, apa-apa tarif, jika perkhidmatan penerbangan itu telah gagal memperolehi persetujuan daripada perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan yang lain mengenai tarif itu, atau sebab tiada lain perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan yang

mengendalikan mengikut laluan yang sama itu. Rujukan bagi perenggan ini dan perenggan yang terdahulu bagi "laluan yang sama itu" adalah kepada laluan yang dikendalikan, bukan laluan yang dinyatakan.

- (4) Mana-mana tarif yang dicadangkan bagi pengangkutan di antara Hong Kong dan Malaysia hendaklah difailkan dengan pihak-pihak berkuasa penerbangan Pihak-Pihak Pejanji oleh perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan yang bertujuan mendapatkan kelulusan dalam borang yang seperti pihak-pihak penerbangan berkuasa boleh menghendaki secara berasingan mendedahkan butir-butir yang disebut dalam perenggan (1) Perkara ini. Ia hendaklah difailkan tidak kurang daripada 60 hari (atau tempoh yang lebih singkat lagi yang pihak-pihak berkuasa penerbangan Pihak-Pihak Pejanji boleh bersetuju) sebelum tarikh kuatkuasa yang dicadangkan itu. Tarif yang dicadangkan itu hendaklah dianggap sebagai telah difailkan dengan pihak-pihak berkuasa penerbangan bagi suatu Pihak Pejanji pada tarikh ia diterima oleh pihak-pihak berkuasa penerbangan itu.
- (5) Dengan syarat ia telah difailkan mengikut perenggan (4) Perkara ini, mana-mana tarif yang dicadangkan bolehlah diluluskan oleh pihak-pihak berkuasa penerbangan bagi suatu Pihak Pejanji pada bila-bila masa tetapi hendaklah disifatkan sebagai tidak lulus oleh pihak-pihak berkuasa penerbangan bagi Pihak Pejanji itu kecuali dalam tempoh 30 hari selepas tarikh memfailkannya, pihak-pihak berkuasa penerbangan bagi satu Pihak Pejanji menyerahkan pada perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan Pihak Pejanji yang satu lagi notis bertulis mengenai kelulusan tarif yang dicadangkan itu.
- (6) Jika suatu tarif itu tidak diluluskan mengikut peruntukan perenggan (5) Perkara ini, pihak-pihak berkuasa penerbangan bagi Pihak Pejanji itu bolehlah secara bersama menentukan tarif itu. Bagi maksud ini, satu Pihak Pejanji boleh meminta perundingan-perundingan di antara pihak-pihak berkuasa penerbangan bagi Pihak-Pihak Pejanji mengikut Perkara 14 Perjanjian ini.
- (7) Jika suatu tarif tidak diluluskan oleh pihak-pihak berkuasa penerbangan Pihak Pejanji mengikut perenggan (5) Perkara ini, dan jika pihak-pihak berkuasa penerbangan Pihak-Pihak Pejanji itu tidak dapat secara bersama menentukan tarif itu mengikut perenggan (6) Perkara ini, maka pertikaian itu bolehlah diselesaikan mengikut peruntukan-peruntukan Perkara 15 Perjanjian ini.
- (8) Tertakluk kepada perenggan (9) Perkara ini, satu tarif yang ditetapkan mengikut peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah tetap sah sehingga suatu tarif pengganti ditetapkan.
- (9) Kecuali dengan persetujuan pihak-pihak berkuasa penerbangan bagi kedua-dua Pihak Pejanji, dan bagi suatu tempoh yang mereka boleh

mempersetujui, kesahan suatu tarif hendaklah tidak diperlanjutkan oleh sebab perenggan (8) Perkara ini:

- (a) jika suatu tarif mempunyai satu tarikh yang boleh tamat, bagi tempoh lebih daripada 12 bulan selepas tarikh itu;
 - (b) jika suatu tarif tidak mempunyai tarikh yang boleh tamat, bagi tempoh lebih daripada 12 bulan selepas tarikh di mana suatu tarif pengganti difailkan pada pihak-pihak berkuasa penerbangan Pihak-Pihak Pejanji oleh suatu perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan sesuatu Pihak Pejanji.
- (10) (a) Tarif-tarif yang akan dikenakan oleh perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan Hong Kong bagi pengangkutan di antara Malaysia dengan Negara yang satu lagi hendaklah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak-pihak berkuasa penerbangan Malaysia dan, jika bersesuaian, pihak-pihak berkuasa penerbangan Negara yang satu lagi itu. Tarif-tarif yang akan dikenakan oleh perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan Malaysia bagi pengangkutan di antara Hong Kong dengan suatu Negara selain daripada Malaysia hendaklah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak-pihak berkuasa penerbangan Hong Kong dan, jika bersesuaian, pihak-pihak berkuasa penerbangan Negara yang satu lagi itu.
- (b) Mana-mana tarif yang dicadangkan bagi pengangkutan itu hendaklah difailkan oleh perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan Pihak Pejanji yang bertujuan mendapatkan kelulusan tarif itu dengan pihak-pihak berkuasa penerbangan Pihak Pejanji yang satu lagi. Ia hendaklah difailkan dalam borang yang seperti pihak-pihak berkuasa penerbangan boleh menghendaki untuk mendedahkan butir-butir yang dirujuk dalam perenggan (1) Perkara ini dan tidak kurang daripada 90 hari (atau suatu tempoh yang lebih singkat seperti yang mereka boleh tentukan) sebelum tarikh kuatkuasa yang dicadangkan itu. Tarif yang dicadangkan itu hendaklah dianggap sebagai difailkan pada tarikh ia diterima oleh pihak-pihak berkuasa penerbangan itu.
 - (c) Tarif itu bolehlah diluluskan pada bila-bila masa oleh pihak-pihak berkuasa penerbangan Pihak Pejanji dengan siapa ia sebagai difailkan tetapi hendaklah disifatkan telah tidak lulus oleh mereka kecuali, dalam tempoh 30 hari selepas tarikh memfailnya, mereka telah menyerahkan pada perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan yang bertujuan mendapatkan kelulusan tarif itu kelulusan notis bertulis.
 - (d) Pihak-pihak berkuasa penerbangan suatu Pihak Pejanji boleh menarik balik kelulusan bagi mana-mana tarif yang diluluskan oleh mereka itu dengan memberi notis 90 hari kepada perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan yang mengenakan tarif itu.

Perkhidmatan penerbangan itu hendaklah berhenti mengenakan tarif itu pada akhir tempoh tersebut.

- (11) Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan (5) dan (10)(c) Perkara ini, pihak-pihak berkuasa penerbangan suatu Pihak Pejanji hendaklah meluluskan mana-mana cadangan tarif yang difailkan pada mereka oleh perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan yang bersamaan (contohnya dalam tingkat harga, syarat-syarat dan tarikh habis tempoh tetapi tidak semestinya laluan-laluan yang sedang digunakan itu) dengan tarif yang dikenakan oleh suatu perkhidmatan penerbangan kepunyaan Pihak Pejanji itu bagi perkhidmatan-perkhidmatan sebanding di antara tempat-tempat yang sama atau yang lebih terhad atau yang lebih tinggi daripada tarif itu.

PERKARA 8

Duti Kastam

- (1) Pesawat udara yang dikendalikan dalam perkhidmatan-perkhidmatan udara antarabangsa oleh perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan suatu Pihak Pejanji, kelengkapannya yang biasa, bekalan-bekalan bahanapi, pelincir, bekalan-bekalan teknikal yang guna habis, alat-alat ganti termasuk injin-injin, dan barang-barang simpanan pesawat udara (termasuk tetapi tidak terhad kepada barang-barang seperti makanan, minuman dan tembakau) yang berada di dalam pesawat udara itu hendaklah dikecualikan oleh Pihak Pejanji yang satu lagi itu atas dasar persalingan daripada semua duti-duti kastam, cukai eksais dan fee-fee yang serupa dan caj-caj yang bukan berdasarkan atas kos perkhidmatan yang diperuntukkan pada masa ketibaan, dengan syarat berkenaan kelengkapan biasa dan barang-barang lain itu terus berada di dalam pesawat udara itu.
- (2) Kelengkapan-telengkapan biasa, bekaan-bekalan bahanapi, pelincir, bekalan-bekalan teknikal yang guna habis, alat-alat ganti termasuk injin-injin, barang-barang simpanan pesawat udara (termasuk tetapi tidak terhad kepada barang-barang seperti makanan, minuman dan tembakau), yang diperkenalkan ke dalam kawasan Pihak Pejanji yang satu lagi itu oleh atau bagi pihak perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan itu atau yang berada di dalam pesawat udara yang dikendalikan oleh perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan, hendaklah dikecualikan oleh Pihak Pejanji yang satu lagi itu atas dasar persalingan daripada semua duti-duti kastam, cukai eksais dan fee-fee yang serupa dan caj-caj yang bukan berdasarkan atas kos perkhidmatan yang diperuntukkan pada masa ketibaan, walaupun kelengkapan biasa dan barang-barang lain itu akan digunakan dalam mana-mana bahagian sesuatu perjalanan yang dijalankan melampaui kawasan Pihak Pejanji yang satu lagi itu.
- (3) Kelengkapan biasa dan barang-barang lain yang dirujuk dalam perenggan-perenggan (1) dan (2) Perkara ini boleh dikehendaki diletakkan

di bawah penyeliaan atau kawalan pihak-pihak berkuasa kastam Pihak Pejanji yang satu lagi itu.

- (4) Kelengkapan biasa dan barang-barang lain yang dirujuk dalam perenggan (1) Perkara ini bolehlah dipungkah di dalam kawasan Pihak Pejanji yang satu lagi itu dengan kelulusan pihak-pihak berkuasa kastam Pihak Pejanji yang satu lagi. Dalam hal keadaan yang demikian, kelengkapan biasa dan barang-barang lain itu hendaklah menikmati, atas dasar persalingan, pengecualian yang diperuntukkan oleh perenggan (1) Perkara ini sehingga ia dieksport semula atau selainnya dilupakan mengikut peraturan-peraturan kastam. Pihak-pihak berkuasa kastam Pihak Pejanji yang satu lagi boleh bagaimana pun menghendaki kelengkapan biasa dan barang-barang lain itu diletakkan di bawah penyeliaan mereka sehingga masa itu.
- (5) Pengecualian-pengecualian yang diperuntukkan di bawah Perkara ini hendaklah juga ada dalam keadaan-keadaan di mana suatu perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan suatu Pihak Pejanji telah membuat persetujuan dengan perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang satu lagi bagi pinjaman atau pemindahan dalam kawasan Pihak Pejanji yang satu lagi itu bagi kelengkapan biasa dan barang-barang lain yang dirujuk dalam perenggan-perenggan (1) dan (2) Perkara ini, dengan syarat bahawa perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang lain itu juga secara sama menikmati pengecualian itu daripada Pihak Pejanji yang satu lagi itu.
- (6) Bagasi dan kargo dalam transit langsung yang melalui kawasan kepunyaan sesuatu Pihak Pejanji hendaklah dikecualikan daripada duti-duti kastam, cukai eksais dan fee-fee serupa dan caj-caj yang bukan berdasarkan atas kos perkhidmatan-perkhidmatan yang di peruntukan pada masa ketibaan.

PERKARA 9

Keselamatan Penerbangan

- (1) Setiap Pihak Pejanji mengesahkan sekali lagi bahawa obligasinya kepada Pihak Pejanji yang satu lagi bagi melindungi keselamatan penerbangan awam terhadap perbuatan-perbuatan gangguan yang menyalahi undang-undang adalah menjadi suatu bahagian integral Perjanjian ini. Setiap Pihak Pejanji hendaklah khususnya bertindak dengan menepati peruntukan-peruntukan Konvensyen mengenai Kesalahan-Kesalahan dan Lain Perbuatan-Perbuatan Tertentu yang Dilakukan di dalam Pesawat Udara, yang ditandatangani di Tokyo pada 14 September 1963, dan Konvensyen bagi Menumpaskan Perampasan Menyalahi Undang-Undang Pesawat Udara, yang ditandatangani di The Hague pada 16 Disember

1970, dan Konvensyen bagi Menumpaskan Perbuatan-Perbuatan yang Menyalahi Undang-Undang Terhadap Keselamatan Penerbangan Awam, yang ditandatangani di Montreal pada 23 September 1971.

- (2) Setiap Pihak Pejanji hendaklah diperuntukan atas permintaannya dengan segala bantuan yang diperlukannya oleh Pihak Pejanji yang satu lagi untuk mencegah perbuatan-perbuatan perampasan pesawat udara awam yang menyalahi undang-undang dan perbuatan-perbuatan lain yang menyalahi undang-undang terhadap keselamatan pesawat udara itu, penumpang-penumpang dan krunya, lapangan-lapangan terbang dan kemudahan-kemudahan navigasi udara dan apa-apa ancaman lain kepada keselamatan penerbangan awam.
- (3) Pihak-Pihak Pejanji hendaklah, dalam perhubungan bersama mereka, bertindak dengan menepati peruntukan-peruntukan keselamatan penerbangan yang ditetapkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa dan ditetapkan sebagai Tambahan-Tambahan kepada Konvensyen mengenai Penerbangan Awam Antarabangsa, yang dibuka untuk ditandatangani di Chicago pada 7 Disember 1944. Setiap Pihak Pejanji boleh menghendaki supaya pengendali-pengendali pesawat udara Pihak Pendaftar-annya atau pengendali-pengendali pesawat udara yang mempunyai tempat perniagaan utama mereka atau yang bermastautin tetap di kawasannya dan pengendali-pengendali lapangan-lapangan terbang di kawasannya, bertindak dengan menepati peruntukan-peruntukan keselamatan penerbangan yang tersebut.
- (4) Setiap Pihak Pejanji bersetuju bahawa pengendali-pengendali pesawat udara itu boleh dikehendaki supaya menuruti peruntukan-peruntukan keselamatan penerbangan yang disebut dalam perenggan (3) Perkara ini yang dikehendaki oleh Pihak Pejanji yang satu lagi bagi kemasukan ke dalam, keberangkatan dari atau semasa berada di dalam kawasan Pihak Pejanji yang satu lagi itu. Setiap Pihak Pejanji hendaklah memastikan bahawa langkah-langkah yang mencukupi dilaksanakan dengan berkesan di dalam kawasannya untuk melindungi pesawat udara itu dan untuk memeriksa penumpang-penumpang, kru, barang-barang bawa sendiri, bagasi, kargo dan barang-barang simpanan pesawat udara sebelum dan semasa naik atau dimuatkan. Setiap Pihak Pejanji hendaklah juga memberikan pertimbangan yang bersimpati kepada apa-apa permintaan daripada Pihak Pejanji yang satu lagi bagi langkah-langkah keselamatan khas yang munasabah untuk menghadapi sesuatu ancaman tertentu.
- (5) Apabila sesuatu peristiwa atau ancaman peristiwa perampasan pesawat udara awam yang menyalahi undang-undang atau perbuatan-perbuatan lain yang menyalahi undang-undang terhadap keselamatan pesawat udara itu, penumpang-penumpang dan krunya, lapangan-lapangan terbang atau kemudahan-kemudahan navigasi udara berlaku, maka setiap Pihak Pejanji hendaklah membantu satu sama lain dengan mempermudah komunikasi-komunikasi dan langkah-langkah lain yang sesuai yang

bertujuan untuk menamatkan dengan cepat dan selamat akan peristiwa sedemikian atau ancamannya.

PERKARA 10

Pemberian Perangkaan

Pihak-pihak berkuasa penerbangan bagi setiap Pihak Pejanji hendaklah atas permintaan, memberi apa-apa pernyataan berkala atau pernyataan-pernyataan perangkaan yang lain yang semunasabahnya dikehendaki bagi maksud mengkaji semula daya muatan yang diperuntukkan dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang dipersetujui oleh perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan Pihak Pejanji itu kepada pihak-pihak berkuasa penerbangan Pihak Pejanji yang satu lagi. Pernyataan-pernyataan itu hendaklah termasuk segala maklumat yang dikehendaki untuk menentukan amaun trafik yang dijalankan oleh perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan tersebut mengikut perkhidmatan yang dipersetujui itu dan tempat permulaan dan tempat yang ditujui bagi trafik itu.

PERKARA 11

Pertukaran dan Peremitan Hasil

- (1) Tertakluk hanya kepada apa-apa peraturan mata wang asing yang boleh dikenakan oleh Malaysia dengan pemakaian yang seragam perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan Hong Kong hendaklah mempunyai hak untuk menukar dan meremit daripada matawang Malaysia kepada matawang Hong Kong atas permintaan hasil-hasil tempatan yang melebihi jumlah tempatan yang dibelanjakan.
- (2) Perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan Malaysia hendaklah mempunyai hak untuk menukar dan meremit daripada matawang Hong Kong kepada matawang Malaysia atas permintaan hasil-hasil tempatan yang melebihi jumlah tempatan yang dibelanjakan.
- (3) Penukaran dan peremitan hasil-hasil itu hendaklah dibenarkan tanpa sekatan pada kadar pertukaran yang terpakai kepada transaksi masa ini, yang sebenarnya pada masa itu hasil-hasil tersebut adalah diserahkan untuk pertukaran dan peremitan, dan tidaklah tertakluk kepada apa-apa caj kecuali yang biasa dibuat oleh bank-bank bagi menjalankan pertukaran dan peremitan itu.

PERKARA 12

Jualan dan Perwakilan Perkhidmatan Penerbangan

- (1) Perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan setiap Pihak Pejanji hendaklah mempunyai hak, mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan Pihak Pejanji yang satu lagi berkaitan kemasukan, kemastautinan dan pekerjaan, untuk membawa masuk dan menanggung di kawasan Pihak Pejanji yang satu lagi itu kakitangannya sendiri yang terdiri daripada pengurusan, teknikal, pengendalian dan pakar-pakar lain yang dikehendaki bagi peruntukan pengangkutan udara.
- (2) Perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan setiap Pihak Pejanji hendaklah mempunyai hak untuk terlibat dalam jualan pengangkutan udara dalam kawasan Pihak Pejanji yang satu lagi itu, sama ada secara langsung atau melalui ejen-ejen. Perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan setiap Pihak Pejanji hendaklah mempunyai hak untuk menjual, dan mana-mana orang hendaklah bebas untuk membeli, pengangkutan itu dalam mata wang tempatan atau dalam apa-apa mata wang lain yang boleh tukar secara bebas.

PERKARA 13

Caj-Caj Pengguna

- (1) Istilah “caj pengguna” ertinya suatu caj yang dibuat kepada perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan oleh pihak-pihak berkuasa kompeten atau yang dibenarkan oleh mereka untuk digunakan sebagai peruntukan harta lapangan terbang atau kemudahan-kemudahan atau kemudahan-kemudahan navigasi udara, termasuk perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dan kemudahan-kemudahan, bagi pesawat udara, kru, penumpang-penumpang dan kargonya.
- (2) Suatu Pihak Pejanji tidaklah mengenakan atau benar untuk mengenakan atas perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan Pihak Pejanji yang satu lagi itu caj-caj pengguna yang lebih tinggi daripada yang dikenakan atas perkhidmatan-perkhidmatan penerbangannya sendiri yang mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan udara antarabangsa yang serupa.
- (3) Setiap Pihak Pejanji hendaklah menggalakkan perundingan mengenai caj-caj pengguna di antara pihak-pihak berkuasa penganan caj kompetennya dan perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang mengguna perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang diperuntukkan oleh pihak-pihak berkuasa penganan caj, jika boleh

dipraktikkan melalui pertubuhan-pertubuhan perwakilan perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan itu.

PERKARA 14

Perundingan

Suatu Pihak Pejanji boleh pada bila-bila masa meminta perundingan-perundingan mengenai pelaksanaan, penafsiran, pemakaian atau pindaan Perjanjian ini. Perundingan-perundingan itu, yang mungkin boleh di antara pihak-pihak berkuasa penerbangan Pihak-Pihak Pejanji, hendaklah mula dalam tempoh 60 hari dari tarikh Pihak Pejanji yang satu lagi terima permintaan itu secara bertulis, kecuali selain daripada yang dipersetujui oleh mereka.

PERKARA 15

Penyelesaian Pertikaian-Pertikaian

- (1) Jika terdapat apa-apa pertikaian yang berbangkit di antara Pihak-Pihak Pejanji yang berkaitan dengan pentafsiran atau pemakaian Perjanjian ini, maka Pihak-Pihak Pejanji hendaklah terdahulunya cuba untuk menyelesaikannya melalui perundingan.
- (2) Jika Pihak-Pihak Pejanji gagal mencapai suatu penyelesaian bagi pertikaian itu melalui perundingan, maka pertikaian itu boleh dirujuk oleh mereka kepada orang atau badan yang mereka boleh memersetujui atau, atas permintaan suatu Pihak Pejanji, hendaklah dikemukakan untuk keputusan kepada satu tribunal terdiri daripada tiga penimbangtara yang hendaklah ditubuhkan dalam cara yang berikut:
 - (a) dalam tempoh 30 hari selepas penerimaan suatu permintaan untuk timbangtara, setiap Pihak Pejanji hendaklah melantik seorang penimbangtara. Seseorang rakyat sesuatu Negara yang boleh dianggap sebagai berkecuali berkaitan dengan pertikaian itu, yang akan bertindak sebagai Presiden tribunal itu, hendaklah dilantik sebagai penimbangtara yang ketiga dengan persetujuan di antara kedua-dua penimbangtara, dalam tempoh 60 hari daripada perlantikan yang kedua itu;
 - (b) jika dalam had masa yang dinyatakan di atas apa-apa perlantikan tidak lagi dibuat, setiap Pihak Pejanji bolehlah meminta Presiden Majlis Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa untuk membuat perlantikan yang perlu dalam tempoh 30 hari. Jika Presiden itu berpendapat bahawa dia adalah seorang rakyat suatu Negara yang tidak boleh dianggap sebagai berkecuali berkaitan dengan

pertikaian itu, maka Naib Presiden yang paling tinggi yang tidak hilang kelayakan atas alasan itu hendaklah membuat perlantikan itu.

- (3) Kecuali seperti kemudian daripada ini diperuntukkan dalam Perkara ini atau selainnya dipersetujui oleh Pihak-Pihak Pejanji, tribunal itu hendaklah menentukan had bidanguasanya dan menetapkan prosedurnya sendiri. Atas arahan tribunal itu, atau atas permintaan suatu Pihak Pejanji, satu persidangan untuk menentukan dengan tepat isu-isu yang akan ditimbangtara dan prosedur-prosedur tertentu yang harus diikuti hendaklah diadakan tidak lewat daripada tempoh 30 hari selepas tribunal itu ditetapkan sepenuhnya.
- (4) Kecuali seperti selain daripada yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak Pejanji atau yang dinyatakan oleh tribunal itu, setiap Pihak Pejanji hendaklah mengemukakan satu memorandum dalam tempoh 45 hari selepas tribunal itu ditetapkan sepenuhnya. Jawapan-jawapan hendaklah diberikan dalam selewat-lewatnya 60 hari kemudian. Tribunal itu hendaklah mengadakan satu perbincangan atas permintaan satu Pihak Pejanji, atau mengikut budibicaranya, dalam tempoh 30 hari selepas jawapan-jawapan diberikan.
- (5) Tribunal itu hendaklah cuba untuk memberi satu keputusan bertulis dalam tempoh 30 hari selepas selesainya perbincangan itu atau, jika tiada perbincangan diadakan, selepas tarikh kedua-dua jawapan itu dikemukakan. Keputusan itu hendaklah dibuat mengikut undi lebih suara.
- (6) Satu Pihak Pejanji bolehlah mengemukakan satu permintaan untuk penjelasan keputusan itu dalam tempoh 15 hari selepas keputusan itu diterima dan penjelasan itu hendaklah dikeluarkan dalam tempoh 15 hari daripada permintaan itu.
- (7) Keputusan tribunal itu hendaklah mengikat Pihak-Pihak Pejanji.
- (8) Setiap Pihak Pejanji hendaklah menanggung kos penimbangtara yang dilantik olehnya. Kos-kos tribunal yang lain hendaklah dikongsi sama oleh Pihak-Pihak Pejanji termasuk apa-apa perbelanjaan yang dikenakan oleh Presiden atau Naib Presiden Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa dalam pelaksanaan prosedur-prosedur dalam perenggan (2)(b) Perkara ini.

PERKARA 16

Pindaan

Apa-apa pindaan kepada Perjanjian ini yang dipersetujui oleh Pihak-Pihak Pejanji hendaklah mula berkuatkuasa apabila ianya disahkan dalam tulisan oleh Pihak-Pihak Pejanji.

PERKARA 17**Penamatan**

Satu Pihak Pejanji boleh pada bila-bila masa memberikan notis kepada Pihak Pejanji yang satu lagi mengenai keputusannya untuk menamatkan Perjanjian ini. Perjanjian ini hendaklah tamat pada tengah malam (di tempat penerimaan notis itu) sebelum sahaja ulang tahun pertama tarikh penerimaan notis itu oleh Pihak Pejanji yang satu lagi, melainkan notis itu ditarik balik dengan persetujuan sebelum tempoh ini.

PERKARA 18**Pendaftaran dengan Pertubuhan Penerhangan
Awam Antarabangsa**

Perjanjian ini dan apa-apa pindaannya hendaklah didaftarkan dengan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa.

PERKARA 19**Tajuk-Tajuk**

Tajuk-tajuk telah dimasukkan dalam Perjanjian ini di kepala setiap perkara bagi maksud rujukan dan kemudahan, dan tidaklah sekali-sekali mentakrifkan, menghadkan atau memperihalkan skop atau maksud Perjanjian ini.

PERKARA 20**Mula Berkuatkuasa**

Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia ditandatangani.

Pada menyaksikan hal di atas, yang bertandatangan di bawah ini, yang diberikuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Perjanjian ini.

Diperbuat, dalam dua salinan di Kuala Lumpur pada 4 haribulan Mac 1991 dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, kedua-dua teks itu sama sahnya.

Bagi Kerajaan Hong Kong:

ANSON CHAN

Bagi Kerajaan Malaysia:

DATO' SYED SIDI IDID BIN
SYED ABDULLAH IDID

TAMBAHAN

JADUAL LALUAN

Seksyen 1

Laluan-laluan yang akan dikendalikan oleh perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan Hong Kong:

Hong Kong—tempat-tempat perantaraan—tempat-tempat di Malaysia—tempat-tempat lampau.

Nota:

1. Tempat-tempat yang akan diberi khidmat oleh laluan-laluan yang dinyatakan di atas adalah ditentukan secara bersama oleh Pihak-Pihak Pejanji.
2. Perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan Hong Kong bolehlah pada mana-mana atau semua penerbangan tidak memanggil di mana-mana tempat yang dinyatakan di atas, dan boleh memberi khidmat di tempat-tempat perantaraan mengikut apa-apa susunan, tempat-tempat di Malaysia mengikut apa-apa susunan dan tempat-tempat lampau mengikut apa-apa susunan dengan syarat bahawa perkhidmatan-perkhidmatan yang dipersetujui mengikut laluan-laluan ini bermula di Hong Kong.
3. Tiada apa-apa trafik boleh bersinggah di suatu tempat perantaraan atau di suatu tempat lampau dan mendarat di tempat-tempat di Malaysia atau sebaliknya, kecuali dari masa ke semasa ditentukan secara bersama oleh Pihak-Pihak Pejanji.
4. Tiada mana-mana tempat di tanah besar China boleh diberi khidmat sebagai satu tempat perantaraan atau satu tempat lampau.

Seksyen 2

Laluan-laluan yang akan dikendalikan oleh perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan Malaysia:

Tempat-tempat di Malaysia—tempat-tempat perantaraan—Hong Kong—tempat-tempat lampau.

Nota:

1. Tempat-tempat yang akan diberi khidmat oleh laluan-laluan yang dinyatakan di atas adalah ditentukan secara bersama oleh Pihak-Pihak Pejanji.
 2. Perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan kepunyaan Malaysia bolehlah pada mana-mana atau semua penerbangan tidak memanggil di mana-mana tempat yang dinyatakan di atas, dan boleh memberi khidmat di tempat-tempat di Malaysia mengikut apa-apa susunan, di tempat-tempat perantaraan mengikut apa-apa susunan dan tempat-tempat lampau mengikut apa-apa susunan dengan syarat bahawa perkhidmatan-perkhidmatan yang dipersetujui mengikut laluan-laluan ini bermula di tempat-tempat di Malaysia.
 3. Tiada apa-apa trafik boleh bersinggah di suatu tempat perantaraan atau di suatu tempat lampau dan mendarat di tempat-tempat di Malaysia atau sebaliknya, kecuali dari masa ke semasa ditentukan secara bersama oleh Pihak-Pihak Pejanji.
 4. Tiada mana-mana tempat di tanah besar China boleh diberi khidmat sebagai satu tempat perantaraan atau satu tempat lampau.
-

[TRADUCTION — TRANSLATION]

ACCORD¹ RELATIF AUX SERVICES AÉRIENS ENTRE LE GOUVERNEMENT DE HONG-KONG ET LE GOUVERNEMENT DE LA MALAISIE

Le Gouvernement de Hong-Kong et le Gouvernement de la Malaisie,
Désireux de conclure un Accord afin de mettre en place le cadre de l'exploitation des services aériens entre Hong-Kong et la Malaisie,
Sont convenus de ce qui suit :

Article premier

DÉFINITIONS

Aux fins du présent Accord, et à moins que le contexte n'appelle une autre interprétation :

a) L'expression « autorités aéronautiques » s'entend, dans le cas de Hong-Kong, du Directeur de l'aviation civile et dans le cas de la Malaisie, du Ministre des transports, ou, dans les deux cas, de toute personne ou de tout organisme habilité à exercer toutes fonctions qui relèvent actuellement des autorités susmentionnées ou des fonctions similaires.

b) L'expression « entreprise désignée » s'entend d'une entreprise de transport aérien désignée et autorisée conformément à l'article 4 du présent Accord.

c) Le terme « région », concernant Hong-Kong, s'entend de l'île de Hong-Kong, de Kowloon et des Nouveaux Territoires, et, concernant la Malaisie, a le sens attribué au terme « territoire » par l'article 2 de la Convention relative à l'aviation civile internationale, ouverte à la signature à Chicago le 7 décembre 1944².

d) Les expressions « service aérien », « service aérien international », « entreprise de transport aérien » et « escale non commerciale » ont le sens que leur attribue l'article 96 de ladite Convention.

e) « L'expression « le présent Accord » s'entend également de l'Annexe audit Accord ainsi que de tout amendement qui y serait apporté ainsi qu'à l'Accord lui-même.

Article 2

DISPOSITIONS DE LA CONVENTION DE CHICAGO APPLICABLES
AUX SERVICES AÉRIENS INTERNATIONAUX

Dans la mise en œuvre du présent Accord, les Parties contractantes se conformeront aux dispositions de la Convention relative à l'aviation civile internationale,

¹ Entré en vigueur le 4 mars 1991 par la signature, conformément à l'article 20.

² Nations Unies, *Recueil des Traités*, vol. 15, p. 295. Pour les textes des Protocoles amendant cette Convention, voir vol. 320, p. 209 et 217; vol. 418, p. 161; vol. 514, p. 209; vol. 740, p. 21; vol. 893, p. 117; vol. 958, p. 217; vol. 1008, p. 213 et vol. 1175, p. 297.

ouverte à la signature le 7 décembre 1944 à Chicago, y compris celles de ses Annexes et de tout amendement qui serait apporté à la Convention ou à ses Annexes et qui s'appliquerait aux deux Parties contractantes, dans la mesure où ces dispositions sont applicables aux services aériens internationaux.

Article 3

OCTROI DES DROITS

